



**PERATURAN ACARA GOLF BAGI KEJOHANAN SUKAN MADANI
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) 2026
(SMK26')**

I. PENGANJURAN

Pertandingan acara Sukan Golf dalam Kejohanan Sukan Madani Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) 2026 (SMK26') ini dianjurkan oleh Kelab Tani KPKM dengan kerjasama dan keterlibatan sepenuhnya daripada Persatuan Sukan Rekreasi Putrajaya (PSRP) selaku vendor utama, selain memainkan peranan di dalam Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan bersama Pegawai Teknikal yang telah dilantik di kalangan warga Jabatan dan Agensi di bawah KPKM.

II. BUTIRAN PERTANDINGAN

1. Tarikh (Hari): **10 Oktober 2026 (Sabtu)**
2. Lokasi: **Bangi Golf Resort, Bandar baru Bangi, Selangor**
3. Jadual Pertandingan:

Masa	Aktiviti
11.00 pagi	Pendaftaran Peserta
12.30 tengah hari	Taklimat dan Sesi Bergambar
1.40 petang	Pergerakan ke <i>Tee Box</i>
1.45 petang	<i>Shotgun Start</i>
07.00 malam	Penyerahan Skor Kad
07.45 malam	Majlis Penyampaian Hadiah

Nota: Jadual adalah tertakluk kepada perubahan oleh Jawatankuasa Teknikal.

III. PENDAFTARAN

1. Setiap Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan/Agensi di bawah KPKM hendaklah menghantar borang pendaftaran peserta, terbuka kepada semua warga kerja di bawah agensi masing-masing, seperti berikut:
 - i. Empat (4) orang pemain (Lelaki sahaja); dan
 - ii. Seorang (1) Pengurus Pasukan
2. Status Pemain - Pemain yang didaftarkan adalah warga kerja yang berkhidmat di dalam agensi tersebut sahaja. Tiada sebarang pinjaman pemain dari agensi lain boleh dilakukan untuk tujuan pendaftaran sepertimana di dalam Peraturan Am Kejohanan Sukan Madani KPKM 2026 (SMK26').
3. Pengurus pasukan boleh membuat pindaan nama pemain (yang berdaftar sahaja) kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan dalam tempah 24 jam sebelum perlawanan bermula. Selepas itu, pindaan nama pemain tidak dibenarkan.

IV. FORMAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan Golf ini akan menggunakan Sistem *36 Stableford*. Semua peserta akan bermain secara individu. Pertandingan berdasarkan mata *stableford* untuk 18 lubang. Handicap setiap peserta akan ditentukan menggunakan sistem 36 berdasarkan skor permainan pada hari tersebut "*Handicap of The Day*".
2. Menggunakan format:
 - i. Berpasukan
 - 4 orang pemain setiap pasukan; dan
 - 3 pemain yang mendapat mata tertinggi akan dikira sebagai skor rasmi pasukan.

V. PERATURAN PERMAINAN

1. Pertandingan akan dijalankan mengikut *The R&A Rules of Golf* (Edisi Semasa).
2. Semua *Local Rules* Bangi Golf Resort hendaklah dipatuhi.
3. Sekiranya terdapat percanggahan, keputusan Jawatankuasa Teknikal adalah muktamad.
4. Semua pemain hendaklah bermain mengikut *Flight* yang telah ditetapkan.
5. Sebelum pertandingan bermula peserta perlu menukar *scorecard* masing-masing dengan pemain di buggy yang lain (*cross buggy*). Peserta akan mencatat markah pihak lawan yang berada di buggy lain manakala markah peserta pula akan dicatatkan oleh pihak lawan.
6. Pemain tidak dibenarkan menukar *Flight* tanpa kebenaran Jawatankuasa Teknikal.
7. Semua pemain hendaklah melengkapkan 18 lubang permainan kecuali diarahkan sebaliknya.
8. Peserta diingatkan untuk mengelakkan dari *slow play*, Jawatankuasa Pertandingan akan memberikan penalti kepada mereka yang berkenaan berdasarkan peraturan yang ditetapkan.
9. Sekiranya pertandingan ini tidak dapat diteruskan disebabkan cuaca, tiada mata akan diberikan dan hadiah-hadiah akan diberikan secara cabutan bertuah.

VI. KAD SKOR

1. Setiap *Flight* akan menerima Kad Skor rasmi.
2. Kad Skor hendaklah:
 - i. ditandatangani pemain;
 - ii. ditandatangani marker; dan
 - iii. diserahkan sebaik tamat permainan.
3. Selepas tamat pertandingan peserta perlu menandatangani *scorecard* pihak lawan di ruangan *marker* dan pihak lawan perlu menandatangani di ruangan *player*.
4. Kad skor yang tidak lengkap atau tidak ditandatangani boleh menyebabkan pemain dibatalkan penyertaan.
5. Sebaik sahaja kad skor diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikal, tiada sebarang pindaan dibenarkan.
6. Skor kad yang diterima selepas jam 7.00 malam tidak dikira dan diterima.
7. Peserta yang tidak menamatkan permainan 18 lubang atau tidak menyerahkan *scorecard* kepada Ahli Jawatankuasa (AJK) Pertandingan sebelum 7.00 petang adalah dikira batal atau *disqualified*.

VII. BUGGY

1. Penggunaan *buggy* adalah WAJIB.
2. Semua peserta hendaklah mematuhi laluan *buggy* yang ditetapkan oleh pihak kelab.
3. Sebarang kerosakan akibat kecuaiian peserta adalah tanggungjawab peserta berkenaan.

VIII. ETIKA PEMAIN

1. Semua peserta hendaklah mematuhi etika permainan yang telah ditetapkan seperti berikut:
 - i. Mematuhi etika permainan golf;
 - ii. Menjaga integriti pertandingan;
 - iii. Menjaga kelancaran permainan (*pace of play*);
 - iv. Menghormati *marshal*, pegawai pertandingan dan pemain lain;
 - v. Membaiki *divot* dan *pitch mark*;
 - vi. Meratakan *bunker* selepas digunakan;
 - vii. Menjaga kebersihan padang; dan
 - viii. Tidak menggunakan bahasa kesat atau melakukan perbuatan tidak sopan.

X. PAKAIAN

1. Semua pemain hendaklah memakai:
 - i. Baju berkolar;
 - ii. Seluar panjang golf atau seluar pendek golf yang dibenarkan;
 - iii. Kasut golf yang sesuai; dan
 - iv. Tidak dibenarkan memakai pakaian jenis denim, berselipar, baju tanpa kolar dan pakaian tidak mematuhi etika kelab.
2. Jawatankuasa Teknikal berhak menghalang mana-mana pemain daripada bertanding sekiranya gagal mematuhi kod pakaian.

IX. KELEWATAN

1. Mana-mana pemain yang lewat hadir boleh dibatalkan penyertaan mengikut peraturan golf atau keputusan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

X. PENENTUAN PEMENANG

1. Berpasukan
 - i. Pemenang ditentukan berdasarkan ketetapan seperti berikut:
 - a. pemain yang mendapat mata tertinggi daripada empat (4) orang pemain. Jika seri kemenangan akan ditentukan oleh:
 - Jumlah skor pemain keempat;
 - *Count Back*; dan
 - Keputusan Jawatankuasa Teknikal.

XI. BANTAHAN

1. Sebarang bantahan hanya boleh dibuat oleh pengurus atau ketua pasukan sahaja dan hendaklah dibuat secara lisan kepada pengadil yang bertugas ketika itu. Kemudian, borang bantahan hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 30 minit selepas tamat perlawanan tersebut. Sebarang bantahan hendaklah dikemukakan sebelum jam 7.30 malam.
2. Borang bantahan rasmi hendaklah ditandatangani oleh Pengurus Pasukan dan disertakan dengan wang cagaran sebanyak RM500.00 (Tunai). Sekiranya bantahan itu diterima dan disahkan benar oleh pihak Jawatankuasa, maka jawatankuasa ini berhak menarik balik hadiah pertandingan dan wang RM 500.00 akan dikembalikan kepada individu terlibat (yang membuat bantahan). Tetapi sekiranya sesuatu bantahan tidak sah atau tidak benar, maka tiada bayaran balik dibuat kepada individu berkenaan.
3. Sebarang keputusan yang dibuat dari keputusan jawatankuasa bantahan dan tatatertib adalah **muktamad**.

XII. KUASA JAWATANKUASA TEKNIKAL

Jawatankuasa adalah berhak untuk meminda/ menambah peraturan yang difikirkan perlu untuk memastikan kelancaran kejohanan dan sebarang keputusan adalah **muktamad**.

XIII. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Sebarang perkara yang tidak diperuntukkan di dalam peraturan ini hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal berdasarkan:

- i. *The R&A Rules of Golf* (Edisi Semasa);
- ii. *Local Rules* Bangi Golf Resort; dan
- iii. Peraturan Am Kejohanan Sukan Madani KPKM 2026 (SMK26').

Keputusan Jawatankuasa Teknikal adalah **muktamad**.

**Jawatankuasa Pelaksana (Teknikal dan Pertandingan)
Sukan Madani KPKM 2026 (SMK26')**